PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 JANUARY 2017

Jangan 'u turn' banyak sangat: PM

BH- 23/1/2017

Tun Mahathir bohong dakwa MCA pernah mohon diberi jawatan TPM

Oleh Ziauddin Sharuddin dan Ifwan Tun Tuah
bhnews@bh.com.my

Port Dickson

Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi berbohong apabila mendakwa kononnya MCA pernah memohon kepada Datuk Seri Najib Razak supaya diberikan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, parti itu tidak pernah mengemukakan tuntutan berkenaan sejak beliau dilantik ke jawatan itu pada tahun 2009.

Malah, menurut beliau MCA beranggapan tiga jawatan Menteri yang diterima selepas Pilihan Raya Umum (PRU) lalu sudah mencukupi kerana mereka sepatutnya menerima satu atau dua jawatan dalam Kabinet sahaja.

"Jangan hendak buat u turn (pusingan U) banyak sangat, kita sudah letih (dengan dakwaan demikian)," katanya ketika merasmikan majlis ulang tahun ke-60 Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia (KBBT) di Lukut di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Presiden MIC, Datuk Seri S Subramaniam; dan timbalannya, Senator Datuk Seri SK Devamany, serta Presiden KBBT, N Murali.

Dalam blognya Chedet, Dr Mahathir mendakwa MCA yang memohon jawatan Timbalan Perdana Menteri, bukan DAP seperti yang dinyatakannya sebelum itu.

Najib juga meminta MCA menafikan dakwaan bahawa parti itu menuntut jawatan nombor dua negara.

Pandangan, harapan rakyat

Sementara itu, beliau menjelaskan Cukai Perkhidmatan dan Barang (GST) enam peratus jauh lebih rendah berbanding di India yang bakal memperkenalkan percukaian seumpama itu itu April depan.

"India akan memperkenalkan GST tiga peringkat dengan peringkat paling tinggi 23 peratus. Bagi orang yang komplen (mengadu) mengenai kadar GST di negara kita, cuba lihat kadar di India," katanya.

Beliau berkata, menghapuskan GST akan menyebabkan kira-kira RM41 bilion hilang daripada sistem kewangan negara, sedangkan pendapatan itu digunakan untuk pelbagai projek pembangunan.

Sementara itu, ketika merasmikan bangunan Wisma Ceylonese di Seremban, Najib berkata sebagai Perdana Menteri, beliau mahu mendengar pandangan dan harapan rakyat dalam usaha kerajaan melaksanakan visi baharu Malaysia.

> Saya percaya visi baharu Malaysia mesti ada rasa kekitaan dan berkongsi visi sama, menandakan kita dalam satu komuniti yang sama. Saya perlu dengar harapan rakyat, iktiraf dan terjemahkan dengan membuat dasar serta tindakan yang boleh membawa negara ke tahap amat diharapkan oleh kita semua"
>
> ***Najib Razak,***
> *Perdana Menteri*

Berkongsi visi sama

"Saya percaya visi baharu Malaysia mesti ada rasa kekitaan dan berkongsi visi sama, menandakan kita dalam satu komuniti yang sama. Pembangunan komuniti dan negara amat penting untuk berjaya.

"Saya perlu dengar harapan rakyat, iktiraf dan terjemahkan dengan membuat dasar serta tindakan yang boleh membawa negara ke tahap amat diharapkan oleh kita semua," katanya.

Najib juga mengingatkan semua pihak bahawa Malaysia berada pada tahap sekarang kerana rakyat berjaya mengetepikan perbezaan, sejak awal kemerdekaan negara.

Beliau berkata, banyak pihak ketika itu memperlekehkan kemampuan negara untuk berjaya kerana menjangkakan banyak pertelingkahan akan berlaku disebabkan komposisi rakyat yang berbilang kaum dan agama.

"Sri Lanka yang ada dua komuniti sahaja terbabit dalam perang saudara yang berlarutan. Malaya ketika itu lebih kompleks, namun kita berjaya ketepikan perbezaan dan mencapai ke tahap ini," katanya.